

Lawatan kerja ke 4 negara guna dana kerajaan

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau tidak menggunakan dana syarikat swasta untuk lawatan kerjanya ke empat negara sebelum ini.

Perdana Menteri sebaliknya menjelaskan, kerajaan membelanjakan RM1.6 juta menggunakan dana kerajaan bagi menampung kos penerbangan delegasi.

"Saya tidak guna dana "syarikat swasta. Kerajaan guna pe-

nerbangan MAS (Malaysia Airlines) untuk lawatan empat negara dengan kos RM1.6 juta. Ini guna wang kerajaan sepenuhnya.

"Baki tempat duduk ditawarkan kepada syarikat swasta yang sememangnya akan pergi ke negara terbabit untuk tujuan pelaburan atau usaha sama," katanya menerusi Facebook beliau semalam.

Anwar berkata, syarikat swasta ini membayar kos masing-ma-

sing berjumlah RM4.5 juta.

"Jika guna jet eksekutif kerajaan, kos perlu ditanggung kerajaan adalah RM2.5 juta untuk empat negara. Namun dengan perkongsian ini, kos untuk kerajaan hanya RM1.6 juta.

"Saya ulang, kerajaan tidak guna dana syarikat swasta. Tiada perselisihan kepentingan. Usah terperangkap dalam fitnah zaman edan," katanya.

Anwar sewaktu sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di

Dewan Rakyat minggu lalu memaklumkan kos kira-kira 70 hingga 80 peratus yang dibelanjakan membabitkan perjalanan dan lawatan rasminya ke empat negara dibayar oleh syarikat swasta yang turut mengikuti urusan itu.

Beliau berkata, itu pendekatan lain di bawah pentadbirannya untuk memastikan perbelanjaan bagi membiayai lawatan ras-

mi ke luar negara diuruskan dengan secepat mungkin.

Kenyataan Anwar itu menimbulkan bantahan serta kritikan daripada pelbagai pihak termasuk pemimpin pembangkang yang mendakwa kemungkinan wujud perselisihan kepentingan di atas pembiayaan oleh syarikat swasta itu.

Rabu lalu, Anwar mengadakan lawatan ke Mesir, Arab Saudi, Peru dan Brazil bermula 9 November lalu.